

14/10/2001

Pemikiran Dr M dalam menangani isu militan harus diberi pujian

PEMIKIRAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu militan harus dijadikan asas dan panduan semua negara membangun, kata Naib Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) cawangan Johor Bahru, Zulkifly Abdul Malek.

Beliau berkata, cadangan dan pandangan Perdana Menteri mengenai perkara itu jika diperkemaskan mampu membantu mengatasi isu militan di seluruh dunia.

"Pemikiran Dr Mahathir menangani isu militan di Malaysia juga harus diberi pujian kerana tanpa kebijaksanaan dan kebolehan beliau dalam mentafsirkan apa yang bakal berlaku di negara ini, sudah tentu negara menghadapi ketidakstabilan dan dilanda konflik berterusan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'Pemikiran Dr Mahathir Terhadap Militansi' dalam Seminar Pemikiran Dr Mahathir Untuk Generasi Muda di sini, semalam.

Zulkifly turut mengesyorkan diwujudkan satu kumpulan pemikir strategik dalam mengatasi masalah militan di Malaysia dan seluruh dunia.

Beliau berkata, ia sesuai berikutan kehendak semasa yang menunjukkan perlunya diwujudkan satu kaedah dalam menyelesaikan konflik khususnya yang membabitkan keganasan pada peringkat antarabangsa.

"Malaysia harus memanfaatkan pemikiran Dr Mahathir dalam menangani isu militan di negara ini kerana tanpa kebolehan beliau pastilah negara tidak stabil dan negara akan runtuh disebabkan keganasan dan perang sesama rakyat," katanya.

Sementara itu, Exco Pemuda Umno, Dr Zambry Abdul Kadir, dalam kertas kerjanya 'Pemikiran Dr Mahathir Terhadap Isu-Isu Global' berkata, pemikiran Perdana Menteri dalam perkara itu timbul daripada kesungguhan beliau melakukan sesuatu yang lebih adil dan saksama dalam konteks hubungan antarabangsa.

Beliau berkata, sikap Dr Mahathir bersesuaian dengan realiti semasa bahawa Malaysia tidak mungkin memisahkan dirinya daripada arus globalisasi.

"Globalisasi menuntut rakyat sama-sama menjadi pemain global yang cekap, pintar, berani dan bermaruah. Ciri-ciri inilah yang dijelmakan Dr Mahathir hasil daripada tanggapan dan pemikirannya terhadap globalisasi.

"Bagi rakyat Malaysia dan umat Islam, beliau menyarankan globalisasi itu dianggap sebagai satu cabaran untuk membangun dan menuju masa depan yang lebih gemilang dengan tradisi keilmuan dan kemampuan menggarap sains dan teknologi.

"Dengan itu globalisasi tidak akan jadi ancaman, tetapi harus digarap dengan sebaik-baiknya supaya kemiskinan, kemunduran, kelemahan dan sikap tertutup dapat diatasi," katanya.

(END)